




KUALA Gula, Perak merupakan antara lokasi persinggahan utama burung hijrah.

Pesta Sayap hargai burung



BURUNG kedidi pasir.

INFO

i. Burung hijrah terancam yang boleh dilihat di KSNP

- Kedidi paruh sudu (*Eurynorhynchus pygmeus*)
- Kedidi kaki hijau (*Tringa nebularia*).
- Bangau China (*Egretta eulophotes*).
- Burung botak (*Leptoptilos javanicus*).
- Pucung danau China (*Ardeola bacchus*).

ii. Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz

- Kedidi paruh tegak (*Limnodromus semipalmatus*).
- Kedidi batu (*Arenaria interpres*).
- Kedidi ekor berjalur (*Limosa lapponica*).
- Kedidi besar (*Numenius arquata*).
- Kedidi pasir kendi (*Calidris ferruginea*).
- Kedidi ekor hitam (*Limosa limosa*).
- Beberapa jenis kedidi lagi

Bancian Perhilitan mendapati terdapat 166 spesies burung termasuk 48 spesies burung hijrah di Kuala Gula.

TAHUN ini tahun ke-13 Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) menganjurkan program Pesta Sayap atau dikenali juga sebagai *Festival of Wings (FOW)* di Taman Alam Kuala Selangor (KSNP), Selangor.

Penganjuran program tersebut adalah bagi mengiktiraf KSNP sebagai kawasan tanah lembap yang perlu dipulihara sebagai habitat penting burung-burung air dan sebagai tempat singgah burung-burung hijrah di KSNP dalam penerbangan mereka ke Selatan.

Pada musim sejuk di Hemisfera Utara dunia, burung-burung berhijrah ke selatan pada bulan Oktober dan pulang semula ke tempat pembiakan mereka di Hemisfera Utara pada bulan Mac setiap tahun.

Sepanjang musim penghijrahan mereka, MNS bersama peminat burung hijrah lain akan menjalankan pemantauan dan pengiraan burung yang melalui laluan Timur dan Tengah Asia atau dikenali sebagai *East Asian-Australasian Flyway (EAAF)* dan *Central Asian Flyway (CSA)*.

Dalam program FOW juga, masyarakat tempatan, pelajar sekolah dan universiti serta masyarakat amnya dijemput bersama merayakan pesta tersebut supaya mereka mendapat maklumat dan memahami tentang burung hijrah dan KSNP sebagai tempat singgahnya dalam

Ralat & rawat

Bersama
DR. AHMAD ISMAIL



penerbangannya yang jauh ke selatan dunia.

Pesta Sayap pada tahun ini diadakan bermula esok dan lusa.

Selain amalan biasa bersama komuniti setempat, pelajar sekolah dan universiti, Pesta Sayap tahun ini mengadakan seminar berkaitan kajian-kajian tentang burung hijrah dan pemuliharaannya.

Di samping Kuala Selangor, MNS juga memberi perhatian di seluruh kawasan Pantai Barat Semenanjung terutama kawasan seperti Empangan Timah Tasoh di Perlis, Teluk Air Tawar (Pulau Pinang), Kuala Gula (Perak), sepanjang pantai Sekinchan (Tanjung Karang) dan Kuala Selangor - hingga di sepanjang Pantai Barat Johor, Pulau Kukup dan Tanjung Piai yang merupakan tanah paling selatan di benua Asia.

Kawasan Pulau Kukup, Tanjung Piai dan Sungai Pulai sudah pun diiktiraf sebagai Tapak Ramsar. Kawasan pantai pasang surut berlumpur yang luas di kawasan tanah paling selatan di Asia itu sesuai untuk burung hijrah singgah dalam penerbangan mereka ke selatan

dan utara. MNS sedang berusaha untuk menjadikan Pantai Teluk Air Tawar, Kuala Gula dan Kuala Selangor sebagai Tapak Ramsar yang baharu dan penting di negara ini.

Teluk Air Tawar adalah antara kawasan awal dikenal pasti sebagai salah satu daripada 55 kawasan penting burung dan kepelbagaian biologi (IBA) di Malaysia. Kawasan pantai bakau yang sempit dengan pantai berlumpur yang produktif di bahagian utara Seberang Perai sangat sesuai untuk kawasan burung hijrah.

Tekanan terhadap ekosistem pantai akibat daripada aktiviti pembangunan yang aktif di kawasan pantai di Pulau Pinang memberi kesan kepada pantai yang diiktiraf oleh *BirdLife International* pada tahun 2007 sebagai IBA. Kawasan ini sepatutnya dilindungi dan dipulihara sebagai tapak IBA penting di utara Semenanjung.

Sekiranya kawasan ini diiktiraf sebagai Tapak Ramsar, ia akan menjadi kawasan utama persinggahan burung hijrah dan memberikan manfaat kepada penduduk tempatan, nelayan persisiran dan berkepentingan dalam ekopelancongan, pendidikan dan penyelidikan.

Berpuluh-puluh ribu burung hijrah dapat dilihat setiap musim di pantai Teluk Air Tawar. Kawasan seluas 200 hektar (ha) ini dapat memberi perkhidmatan ekosistem

kepada masyarakat tempatan dan menjana pendapatan mereka.

Kajian oleh MNS seperti yang dilaporkan di dalam *MNS Conservation Publication No. 16 (2016)* menerangkan secara terperinci tentang kepentingan pantai Teluk Air Tawar sebagai IBA dan patut diwartakan sebagai kawasan perlindungan yang boleh memberi kesan baik kepada ekosistem seluruhnya, burung berhijrah dan penduduk tempatan khususnya.

Kuala Gula di Perak memang sudah lama dipopularkan sebagai santuari burung laut yang menjadi tempat persinggahan utama burung hijrah. Pejabat Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), serta Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli juga ditempatkan di situ dengan kemudahan untuk pendidikan alam semula jadi berfokuskan burung air dan burung hijrah.

Pusat tersebut selalu dilawati pelancong termasuklah antaranya pelajar sekolah dan universiti.

Perkhidmatan yang diberikan dapat mempromosi pengetahuan tentang burung hijrah, habitat mereka dan pemuliharaan.

Program pemantauan dan pengumpulan data burung hijrah juga dijalankan oleh Perhilitan di kawasan Kuala Gula sejak lama dahulu.

Kehadiran burung hijrah di Kuala Gula juga menarik minat peminat dan penyelidik burung tempatan dan antarabangsa.